

P.U. (A) 263/2008

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN JADUAL 8) 2008

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 8) 2008**.  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2008.

**Pindaan Jadual 8**

2. Jadual 8 Kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dipinda dengan menggantikan perenggan 12 dengan perenggan yang berikut:

“12. Suatu terbitan, tawaran bagi langganan atau pembelian, atau pelawaan untuk melanggan atau membeli, debentur atau sekuriti Islam yang dibuat oleh mana-mana orang atau perbadanan ditubuhkan atau diperbadankan atau diwujudkan di dalam atau di luar Malaysia, melainkan suatu pengantara bertujuan khas yang tidak berbantuan sepenuhnya kepada suatu entiti lain, yang mempunyai penarafan kredit tempatan AAA atau penarafan kredit antarabangsa BBB dan ke atas, yang diberikan oleh suatu agensi penarafan kredit.”

Dibuat 24 Julai 2008

[KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1; PN(PU<sup>2</sup>)662/III]

TAN SRI NOR MD BIN YAKCOP

Menteri Kewangan Kedua